

Maklum Balas Orang Asli Terhadap Pendakwah Di Selangor

Zulkefli Aini

zulaini@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

Faiz Rahim

Faizabdulrahim1698@gmail.com

ABSTRAK

Dalam proses dakwah, pendakwah menerima maklum balas daripada pihak sasaran dakwah (*mad`u*) sama ada positif atau negatif, lisan atau bukan lisan. Maklum balas seperti ini merupakan salah satu faktor dalam menentukan kejayaan dakwah yang disampaikan. Begitu juga dalam interaksi bersama Orang Asli, pendakwah berhadapan dengan pelbagai maklum balas daripada mereka terutama berkenaan mesej yang disampaikan dan aktiviti yang dijalankan dalam komuniti mereka. Keadaan ini berlaku disebabkan faktor latarbelakang pendakwah yang kebanyakannya bukan sebangsa dengan Orang Asli, mesej yang disampaikan terutama yang melibatkan keagamaan adalah sesuatu yang baharu dan kadang-kadang sukar untuk difahami dan diikuti, serta persekitaran yang melatari kehidupan mereka. Sehubungan dengan itu, artikel ini adalah untuk mengenalpasti maklum balas Orang Asli terhadap pendakwah yang datang menyantuni mereka dengan menumpukan kepada ciri-ciri pendakwah tersebut. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Data kajian diperolehi melalui temu bual mendalam bersama peserta kajian yang terdiri daripada Orang Asli di negeri Selangor. Data dianalisis secara tematik berdasarkan objektif yang ditetapkan dalam kajian ini. Kajian mendapati bahawa Orang Asli memberikan maklum balas positif kepada pendakwah yang menyantuni mereka dalam bidang kemasyarakatan dan keagamaan. Mereka cenderung menerima pendakwah yang mempunyai tiga ciri utama, iaitu pendakwah yang berilmu, berakhlak dan berkemahiran. Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan kepada keperluan para pendakwah dan juga pihak-pihak berkepentingan yang bergiat dalam usaha dakwah kepada masyarakat Orang Asli.

Kata Kunci: Maklum Balas, Pendakwah, *Mad`u*, Orang Asli, Ilmu, Akhlak, Kemahiran

The Orang Asli's Response to Muslim Preachers in Selangor

ABSTRACT

Preachers always receive positive or negative feedback from target audience (known as mad`u in Arabic) in form of verbal or non-verbal during missionary process. These kinds of feedback are the factors in determining the success of the preaching. In the context of interaction with Orang Asli, the preachers are confronted with a great deal of feedback from them especially in the message being conveyed and the activities carried out in their communities. This is due to the background of preachers who are not native to the Orang Asli, the message being conveyed

especially regarding religion which is something new to them and difficult to understand and to follow, as well as the environment in which they live in. In this regard, this article is to identify the Orang Asli's response to the preacher who came to them by focusing on their characteristics. This is a qualitative study with case study design. The data of study was obtained through in-depth interviews with study participants consisting of the Orang Asli in Selangor. The data was analyzed thematically based on the objective of the study. This Study has found that the Orang Asli respond positively to preachers who are sincerely approach them in the field of social and religious affairs. They tend to accept preachers who have three main characteristics, which are knowledgeable, ethical and skilled in dealing with them. This study is expected to contribute to the needs of the preachers and also the stakeholders who involve actively in preaching to the Orang Asli community.

Key words: Response, Preachers, Mad`u, Orang Asli, Knowledge, Ethic, Skill.

Received: 18 June 2020

Accepted: 23 June 2020

Online Published: 24 June 2020

PENGENALAN

Orang Asli merupakan salah satu etnik peribumi yang mendiami beberapa tempat di Semenanjung Malaysia sama ada di penggir bandar dan pendalaman (Hamimah 2011). Penamaan dan pengenalan diri sebagai orang Asli adalah mengikut peruntukan undang-undang pada tahun 1954. Ini kerana tafsiran Orang Asli daripada sudut undang-undang Malaysia khususnya dalam Perlembagaan Malaysia di bawah Perkara 160 (2) adalah sebagai Orang Asli Semenanjung Tanah Melayu. Mengikut Akta 134 (Akta Orang Asli 1954, Pindaan 1974) di bawah Fasal 3 (1) telah diberikan tafsiran yang khusus tentang siapakah yang dapat diterima sebagai Orang Asli, iaitu:

- i Mana-mana orang yang bapanya adalah seorang dari kumpulan rumpun bangsa Orang Asli, yang bercakap dalam bahasa Orang Asli dan lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli, dan termasuklah seseorang keturunan melalui lelaki orang itu;
- ii Mana-mana orang dari apa-apa kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa masih kanak-kanak oleh Orang Asli dan yang telah dididik sebagai seorang Orang Asli, lazim bercakap dalam bahasa Orang Asli, lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan adalah seorang dari sesuatu masyarakat Orang Asli; atau
- iii Anak dari apa-apa persatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki dari suatu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazim bercakap dalam bahasa Orang Asli, lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan dan masih lagi menjadi seorang dari sesuatu masyarakat Orang Asli.

Mereka terdiri daripada tiga kaum, iaitu Negrito, Senoi, dan Melayu-Proto (Carey 1976). Daripada segi nisbah kuantiti bilangan penduduk, kaum Senoi mempunyai bilangan penduduk yang teramai,

diikuti pula oleh kaum Melayu-Proto dan yang ketiga ialah kaum Negrito. Setiap kaum terdiri daripada suku kaum tertentu. Kaum Negrito terdiri daripada suku kaum Kintak, Kensiu, Jahai, Medrik, Batek dan Lanoh. Kaum Senoi pula terdiri daripada suku kaum Semai, Temiar, Jah-het, Semaq Beri, Ma'betise', dan Chewong. Manakala kaum Melayu-Proto pula terdiri daripada suku kaum Temuan, Jakun, Semelai, Orang Seletar, Orang Kuala dan Orang Kanaq (Ramle 2015). Pembahagian Orang Asli mengikut suku kaum dilakukan mengikut corak penempatan mereka (Carey 1976), rupa fizikal, bahasa dan adat yang diamalkan oleh setiap kumpulan dan suku kaum (Siti Aminah 2015).

Sebagai kumpulan etnik yang bersifat *heterogeneous* (Leary, 1995), masyarakat Orang Asli memang kaya dengan adat resam dan budaya kerana lingkungan hidup mereka yang masih berkait rapat dengan alam semulajadi walaupun sudah memasuki dunia moden. Adat dan kepercayaan mereka mempunyai hubungan yang rapat dengan makhluk-makhluk ghaib di alam semesta ini (Mohd Mizan & Shuhairimi 2004). Menurut Ramle (2014) pada umumnya Orang Asli percaya bahawa kehidupan manusia dikuasai oleh kuasa supernatural, yang terdiri daripada makhluk ghaib. Kuasa tersebut dipercayai sebagai pencipta alam dan sistem kosmologi yang ada di alam ini, penjaga kebajikan manusia, pengawal tingkahlaku manusia ketika berhubungan dengan alam. Sehubungan dengan itu, mereka mempunyai pantang larang dan adat tertentu yang berkaitan dengan kuasa tersebut. Selain daripada itu, mereka juga dipercayai kuasa yang terdapat pada manusia yang luar biasa seperti roh nenek moyang yang telah meninggal dunia dan manusia yang masih hidup yang mempunyai hubungan dengan kuasa makhluk ghaib. Walau pun mereka dipercayai bahawa objek-objek tertentu mempunyai semangat dan roh, menurut Jo Komar dan W.A. Amir (2014), ia tidak bermakna perkara tersebut menjadi sandaran utama pengamalan adat mereka. Sebaliknya, adat hanyalah panduan yang mempunyai sifat gesaan dan larangan yang perlu dipatuhi tanpa berdasarkan nilai spiritual. Justeru, daripada sudut kepercayaan beragama, Jo Komar & W.A. Amir (2014) berhujah bahawa Orang Asli lebih sesuai dikenali sebagai agama adat dan bukannya menganut fahaman animisme.

Kepercayaan, amalan ritual, adat dan pantang larang yang dianuti oleh Orang Asli tidak menghalang mereka berinteraksi dengan masyarakat luar termasuklah orang Melayu muslim serta organisasi dan institusi berorientasikan agama Islam (Aini et al., 2019). Malah ada dalam kalangan mereka bersikap terbuka terhadap usaha mengintegrasikan komuniti mereka dalam masyarakat arus perdana (Ma'Rof Redzuan & Abdul Razak 2008). Kesan interaksi mereka secara harmoni bersama masyarakat Islam menyebabkan ada dalam kalangan mereka yang menerima kedatangan para pendakwah dengan baik dan secara sukarela memeluk agama Islam (Ramle 2015).

OBJEKTIF KAJIAN

Proses dakwah berlangsung di perkampungan Orang Asli dengan usaha dakwah yang dilakukan oleh para pendakwah. Mereka datang bagi mewakili pihak-pihak berkepentingan seperti agensi

kerajaan dan badan bukan kerajaan. Apabila mereka menyampaikan mesej dakwah kepada masyarakat orang Asli, mereka menerima sejumlah maklum balas tertentu sama ada negatif mahu pun positif secara lisan atau bukan lisan. Sekiranya mereka diterima dengan positif, apakah penilaian mereka terhadap pendakwah tersebut? Apakah ciri-ciri pendakwah yang boleh diterima sehingga mereka bersedia berinteraksi dengan pendakwah. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti maklum balas penerimaan Orang Asli terhadap pendakwah yang datang menyantuni mereka dengan memfokuskan ciri-ciri pendakwah tersebut ketika dalam proses interaksi sesama mereka.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes. Kajian ini dilakukan di perkampungan Orang Asli di negeri Selangor. Data kajian diperolehi melalui temubual mendalam dengan menggunakan teknik temubual separa struktur yang melibatkan 13 orang dalam kalangan pimpinan masyarakat Orang Asli dan dua orang pendakwah berketurunan Orang Asli sebagai peserta kajian (PK) sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Pemilihan mereka sebagai peserta kajian adalah secara bertujuan. Instrumen kajian dalam soalan temubual berdasarkan kajian literatur mengikut objektif kajian bagi membentuk tema-tema tertentu. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian diperolehi melalui persetujuan tiga orang pakar daripada ahli akademik institusi pengajian tinggi dalam bidang dakwah Orang Asli. Data yang diperolehi dianalisis secara tematik mengikut prosedur tertentu seperti melakukan pengkodan dan transkrip. Cara untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data yang diperolehi adalah melalui pengesahan pandangan daripada peserta kajian terhadap data temubual yang ditranskrip. Setelah hasil transkrip disahkan dan disusun semula, pengkaji menyusun tadbir data untuk mendapatkan tema dapatan kajian dengan bantuan program N'Vivo 7.0. Persetujuan dan pengesahan pakar yang terdiri daripada tiga orang ahli akademik IPT juga dilakukan terhadap tema yang dibina berdasarkan tahap pengukuran *Cohen Kappa*. Hasil daripada penilaian pakar menunjukkan bahawa pembinaan tema yang dilakukan oleh pengkaji mencapai tahap melebihi 9.0 (sangat tinggi). Pencapaian tahap persetujuan seperti ini menurut Jasmi (2012) adalah merupakan bukti terbaik bagi menentukan kebolehpercayaan yang tinggi data kajian.

Jadual 1: Bilangan Peserta Kajian

Bil	Kategori	Jantina
PK1	Pimpinan	Lelaki
PK2	Pimpinan	Lelaki
PK3	Pimpinan	Lelaki
PK4	Pimpinan	Lelaki
PK5	Pimpinan	Lelaki
PK6	Pimpinan	Lelaki
PK7	Pimpinan	Lelaki
PK8	Pimpinan	Lelaki

PK9	Pimpinan	Lelaki
PK10	Pimpinan	Lelaki
PK11	Pimpinan	Lelaki
PK12	Pimpinan	Lelaki
PK13	Pimpinan	Lelaki
PK14	Pendakwah	Lelaki
PK15	Pendakwah	Perempuan

DAKWAH KEPADA ORANG ASLI

Menurut Ramle (2015) dakwah Islamiah dalam kalangan Orang Asli dikatakan telah bermula semenjak kedatangan Islam di rantau ini. Walau bagaimanapun kegiatan dakwah secara rasmi dilakukan oleh jabatan atau pertubuhan bermula seawal tahun 1950an seperti yang dijalankan oleh Majlis Agama Islam Perak. Proses pendakwahan terus berkembang secara aktif setelah negara mencapai kemerdekaan khususnya selepas tahun 1961, iaitu apabila pihak kerajaan mengeluarkan Dasar Terhadap Pentadbiran Orang Asli di Persekutuan Tanah Melayu. Walaupun pihak kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) memberi perhatian kepada orang Asli dari sudut mengintegrasikan mereka ke dalam masyarakat arus perdana khususnya orang Melayu, proses itu diambil peluang oleh pihak-pihak berkepentingan seperti Jabatan Hal Ehwal Agama dan Majlis Agama di negeri-negeri yang mempunyai penduduk orang Asli melakukan usaha pengintegrasian tersebut secara tidak langsung mendekati orang Asli dengan Islam. Dengan kata lain, usaha ini bermulalah usaha dakwah kepada masyarakat orang Asli. Usaha ini berterusan dan mendapat fokus utama pihak kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan pihak-pihak lain seperti badan-badan bukan kerajaan (seperti PERKIM, ABIM) dan institusi pengajian tinggi seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Usaha-usaha seperti ini yang dilakukan secara bersendirian mahu pun bersepadu menjadikan jumlah pemeluk Islam dalam kalangan orang Asli meningkat walau pun dalam sekala yang kecil dan perlahan pertumbuhannya.

Dalam konteks peranan dan fungsi pendakwah kepada masyarakat Orang Asli, kajian Che Musa (2011) dan Abdurahman dan Abdul Ghafar (2018) misalnya mendapati Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) berperanan dengan baik dalam menjalankan amanah menyantuni masyarakat Orang Asli dan mempunyai komitmen yang tinggi dalam menyampaikan mesej dakwah serta membimbing mereka supaya berada dalam lingkungan sebagai muslim. Begitu juga dengan kajian Jamilah Mohd. Zain dan Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2017) mendapati bahawa pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) turut mengadakan program dakwah menyantuni masyarakat Orang Asli dengan bantuan tenaga pelaksana utama seperti PMOA. Menurut Abdul Ghafar et.al. (2019), ahli akademik di IPT turut berperanan dalam pembangunan komuniti Orang Asli yang tertumpu kepada empat bidang utama, iaitu pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan khidmat masyarakat. Peranan tersebut lebih terserlah melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang meliputi aspek penyeliaan latihan amali, kegiatan penyelidikan dan khidmat rundingan kepakaran. Misi membangunkan komuniti Orang Asli lebih bermakna dan berkesan apabila wujud kolaborasi

aktif antara agensi-agensi yang terlibat secara langsung dalam pembangunan komuniti Orang Asli dengan para ahli akademik di IPT.

Dakwah kepada Orang Asli boleh dilaksanakan melalui pendekatan khidmat masyarakat atau *social services method* (Abdul Ghafar et.al. 2012) sebagaimana yang dilakukan oleh Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam UKM. Pendekatan tersebut merupakan agenda utama pelaksanaan dakwah kepada Orang Asli melalui penganjuran program kemasyarakatan seperti jamuan makan, ziarah dari rumah ke rumah, sukaneka, dan gotong royong. Pendekatan dakwah kepada masyarakat Orang Asli juga boleh dilaksanakan melalui dakwah secara lisan dan bukan lisan termasuklah apa yang diistilahkan oleh Mohd Zairul dan Abdul Ghafar (2018) sebagai dakwah secara *bi al-hal*. Pendekatan dakwah secara lisan seperti memberi penjelasan tentang ajaran Islam kepada mereka melalui kelas bimbingan fardu ain yang menyentuh topik asas tawhid, fikah dan akhlak (Zulkefli et al 2018b), juga penerangan tentang aspek kehidupan bermasyarakat secara umum seperti topik kesihatan, kekeluargaan, ekonomi dan keselamatan. Manakala pendekatan dakwah secara bukan lisan dalam bentuk dakwah *bi al-hal* pula menekankan aspek pembangunan masyarakat Orang Asli daripada sudut pendidikan, ekonomi dan kebajikan (Mohd Zairul & Abdul Ghafar, 2018). Pendekatan seumpama ini memberikan impak yang besar kepada kehidupan Orang Asli kerana menurut Abdul Ghafar (2014) kefahaman dan penghayatan Islam akan lebih mudah diterap dan dilaksanakan dalam kehidupan mereka apabila pendakwah boleh menggerakkan dan meningkatkan taraf kualiti kehidupan mereka.

Dalam proses dakwah kepada Orang Asli terdapat elemen maklum balas penerimaan daripada mereka samada positif atau negatif. Syed Abdurrahman (2008) misalnya berpandangan bahawa terdapat tiga halangan utama yang menjadi penyebab mengapa Orang Asli lambat menerima dakwah yang disampaikan kepada mereka, iaitu halangan daripada pihak pendakwah, halangan daripada pihak mereka mereka dan halangan yang datang daripada pihak luar. Dalam konteks halangan yang datang daripada orang Asli, adalah disebabkan mereka kuat berpegang dengan adat resam dan kepercayaan mereka seperti animisme dan nenek moyang yang menyukarkan mereka menerima Islam sebagai agama dan cara hidup yang baharu. Ini ditambah dengan cara hidup dan persekitaran mereka tinggal yang bergantung kepada alam untuk meneruskan kehidupan. Di samping itu, mereka mempunyai sikap tertentu terhadap pendakwah yang datang kepada mereka kerana menurut Faiz (2018) dan Murtadha (2019) orang Asli lebih cenderung dan suka dengan pendakwah yang berasal daripada suku kaum mereka sahaja yang lebih memahami kehidupan mereka termasuklah pemikiran, budaya dan bahasa mereka.

Menurut Abdul Ghafar Hj Don (2009), imej kurang baik yang ditonjolkan oleh masyarakat Melayu khususnya masyarakat Melayu yang berjiran dengan orang Asli boleh membantutkan usaha dakwah kepada golongan tersebut. Perbuatan orang Melayu yang dilihat suka mencuri kerbau, menipu dan memandang hina terhadap orang Asli menyebabkan timbul perspesi negative kepada orang Melayu. Keadaan yang sama turut dikemukakan oleh Zulkefli dan Halim (2016) yang

menyatakan bahawa orang Asli begitu kecewa dengan masyarakat orang Melayu yang tidak jujur ketika berurusan dengan mereka terutama dari segi urusan jual beli. Keadaan ini menyumbang kepada cabaran untuk mengikis persepsi bahawa agama Islam agama yang baik. Ini kerana mereka beranggapan bahawa agama Islam ialah agama orang Melayu. Dengan kata lain, mereka mengatakan masuk Islam masuk Melayu. Ada kalangan mereka yang mempersoalkan bagaimana mereka mahu memeluk agama Islam sekiranya sikap yang ditonjolkan oleh orang Melayu tidak melambangkan kebaikan Islam.

Kajian Ramle (2015) pula menyatakan bahawa orang Asli sukar menerima dan mengamalkan ajaran Islam kerana mereka menganggap masuk Islam adalah masuk Melayu. Dengan ini identiti dan jati diri mereka sebagai Orang Asli akan hilang (Nobuta 2007, Iacey 2013, Zulkefli & Halim 2016). Islam dianggap mempunyai banyak larangan atau “don’t” sehingga mereka tidak boleh bebas sebagaimana mereka belum Islam seperti tidak boleh makan makanan kebiasaan mereka seperti babi, mereka merasakan susah mengamalkan ajaran Islam seperti solat kerana mereka perlu menukar pakaian dan sebagainya yang pada pandangan mereka menyusahkan mereka. Begitu juga dengan kajian Halim (2002) yang mendapati ada kalangan orang Asli masih mempunyai sikap negatif terhadap Islam. Keadaan ini disebabkan latarbelakang pendidikan mereka yang rendah yang menyebabkan pemikiran mereka belum terbuka dengan perkembangan semasa dan tidak mendapat pendedahan yang secukupnya tentang Islam. Di samping ada kalangan mereka yang terpengaruh dengan pandangan orang Asli yang lebih seniour yang mempunyai pengalaman pahit dengan orang Melayu. Pada pandangan mereka orang Melayu yang beragama Islam bersikap tidak jujur ketika menjalankan urusan niaga, suka menindas, tidak berlaku adil dan berakhlak. Daripada sudut penerimaan mereka terhadap program-program dakwah bergantung kepada siapakah penganjur yang melaksanakan program tersebut. Sekiranya penganjur membawa jenama Islam, mereka mengambil sikap “tunggu dan lihat”. Mereka bimbang dan beranggapan bahawa program yang dijalankan bertujuan untuk memaksa mereka memeluk agama Islam. Di samping itu, mereka berpandangan bahawa ada penganjur yang mahu melaksanakan program tidak berbincang terlebih dahulu dengan pimpinan tempatan seperti Batin untuk mendapatkan pandangan dan persetujuan.

Di samping itu, perkembangan dakwah kepada masyarakat Orang Asli mendapat saingan daripada agama-agama lain seperti Kristian. Kajian Aini dan Sabri (2019) mendapati bahawa gerakan Kristianisasi terhadap masyarakat Orang Asli menggunakan bentuk tertentu yang menjadi strategi terancang dan pendekatan tersusun untuk memenangi hati golongan tersebut. Mereka menjalankan usaha tersebut dengan begitu pragmatik dan meyakinkan sehingga Orang Asli muslim boleh terpengaruh dengan agama tersebut dan akhirnya keluar daripada agama Islam untuk memeluk agama Kristian. Kajian mereka juga mendapati bahawa, bentuk-bentuk gerakan Kristianisasi yang mempengaruhi masyarakat Orang Asli ialah penganjuran aktiviti berbentuk santai dan hiburan, pemberian bantuan kemanusiaan, penyebaran mesej cinta dan kasih sayang dan program kaderisasi kepimpinan dengan melantik paderi daripada kalangan masyarakat Orang Asli.

FAKTOR PENERIMAAN TERHADAP MESEJ DAKWAH

Dalam proses dakwah, pendakwah sentiasa berinteraksi dengan sasaran dakwah (*mad'u*). Berinteraksi dalam konteks dakwah memberi maksud mempunyai hubungan langsung dengan *mad'u*, maklum balas (*feedback*), saling berhubungan dan memengaruhi serta saling memerlukan antara satu sama lain. Interaksi yang dilakukan adalah dalam bentuk lisan (*verbal*) dan bukan lisan (*non verbal*). Interaksi lisan adalah hubungan antara pendakwah dengan sasaran dakwah dengan menggunakan bahasa atau komunikasi bahasa yang dituturkan melalui lisan. Sedangkan interaksi bukan lisan adalah hubungan secara tanpa bahasa atau komunikasi tanpa bahasa, seperti pergerakan tangan, sikap, tingkah laku dan tindakan. Interaksi antara individu boleh berlaku secara verbal maupun nonverbal dengan menggunakan simbol-simbol tertentu (Zulkefli & S.Salahudin 2016).

Pendakwah ialah orang yang mempunyai pengetahuan tentang agama Islam dan menyampaikannya kepada kumpulan sasaran (*mad'u*) menggunakan pendekatan (*manhaj* dan *uslub*) tertentu bagi mencapai matlamat tertentu. Pendakwah perlu menyempurnakan hak *mad'u* iaitu mendatangi dan berdakwah kepada mereka. Menurut Zaydan (1993) pendakwah tidak seharusnya duduk di rumah sambil menunggu kedatangan *mad'u* untuk menyampaikan ajaran Islam. Justeru, pendakwah perlu menemui *mad'u* di tempat mereka sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. mendatangi majlis-majlis kaum Quraisy dan kediaman kabilah-kabilah yang datang ke Makkah. Sehubungan dengan itu, Zaydan (1993) memetik pandangan Imam al-Ghazali bahawa “setiap orang yang berilmu seharusnya bertebaran di pelusuk daerah, kampung, kedai, masjid atau di mana sahaja tempat perkumpulan manusia, untuk memberikan pengajaran kepada penghuninya tentang agama Islam, menerangkan kepada mereka perbezaan antara perkara yang memberikan faedah dengan perkara yang memberikan kemudaratan kepada mereka, antara perkara yang mendatangkan kesan negatif dengan keburukan dan perkara yang mendatangkan kesan positif dengan kebahagiaan, tidak seharusnya seorang pendakwah tinggal diam menanti sehingga dipanggil, dia berkewajipan menemui mereka, menyampaikan dakwah kepada mereka, kerana pendakwah merupakan pewaris para Nabi sedangkan para Nabi tidak pernah membiarkan umatnya hidup dalam kejahilan, mereka akan pergi menemui umatnya di mana mereka berkumpul, mengunjungi rumah-rumah mereka, memberikan bimbingan dan petunjuk kepada mereka satu per satu. Inilah satu tuntutan bersifat fardu ain bagi setiap orang yang berilmu dan pemerintah bertanggungjawab memberikan upah kepada petugas-petugas dakwah yang berada di setiap kampung dan kediaman untuk memberikan pengajaran tentang agama Islam kepada umat manusia, kerana manusia dilahirkan dalam keadaan jahil. Oleh itu, dakwah wajib disampaikan sama ada yang berkaitan dengan akidah ataupun syariah”.

Jika begitu tanggungjawab dan hak pendakwah kepada *mad'u*, sebagai respons terhadap dakwah yang disampaikan, mereka sepatutnya menerima seruan dakwah tersebut walaupun secara realitinya maklum balas penyampaian dakwah tidak sama dari pihak *mad'u*. Menurut Zaydan

(1993), tahap penerimaan mesej dakwah di pihak *mad`u* boleh dibahagikan kepada beberapa keadaan, iaitu maklum balas yang terlalu cepat, terlalu lambat, dan berada di pertengahan kedudukan antara kedua-duanya.

Dalam proses komunikasi dua hala, reaksi penerima terhadap utusan daripada sumber yang dikenali sebagai maklum balas amat diperlukan. Dalam konteks dakwah, maklum balas merujuk reaksi *mad`u* terhadap mesej dakwah yang disampaikan oleh pendakwah. Maklum balas yang diberikan adalah dalam bentuk lisan atau pun bukan lisan. Dalam perkara ini, terdapat beberapa bentuk maklum balas lisan yang diberikan oleh *mad`u*, antaranya ialah memberikan pandangan terhadap sesuatu perkara yang dikemukakan samada ada dalam bentuk pertanyaan atau pernyataan tertentu, mengemukakan pertanyaan kepada pendakwah jika mereka tidak memahami sesuatu perkara yang memerlukan penjelasan tertentu, memperakui sesuatu perkara yang dikemukakan kepada mereka. Manakala maklum balas bukan lisan melibatkan elemen-elemen bukan lisan seperti intonasi suara, pergerakan anggota tertentu seperti kepala, badan, tangan, mulut dan mata. Terdapat pelbagai situasi apabila *mad`u* memberikan maklum balas bukan lisan kepada pendakwah yang sedang menyampaikan mesej dakwah kepada mereka. Antaranya ialah mengerutkan dahi atau kening, menggelengkan kepala, berbual-bual sesama mereka, tidur, menguap, melihat-lihat kearah lain, dan sebagainya (Zulkefli & S.Salahudin 2016).

Dalam konteks psikologi komunikasi, Jalaluddin Rakhmat (2002) membincangkan proses bagaimana seseorang menerima maklumat, mengolahnya, menyimpan, dan menghasilkan informasi dalam konteks sistem komunikasi intra personal. Proses ini melibatkan aktiviti unsur-unsur dalaman manusia seperti sensasi, persepsi, memori, dan berpikir. Dalam konteks dakwah, seseorang pendakwah yang menyampaikan mesej dakwah kepada sasarannya menjadikan sasaran dakwah melakukan pelbagai aktiviti yang melibatkan unsur-unsur dalamannya seperti memikirkan maksud mesej yang disampaikan sebelum membuat keputusan sama ada menerima atau menolaknya. Jika ia mudah difahami barangkali mesej tersebut akan disimpan dalam memori dan pemikirannya supaya ia boleh diulang-ulang dan diungkapkan kembali. Ataupun sekurang-kurangnya dia akan mengajukan pertanyaan kepada pendakwah berkenaan sekiranya dia inginkan penjelasan lanjut berkenaan sesuatu perkara.

Interaksi pendakwah dengan *mad`u* turut diteliti daripada segi psikologi sosial. Ia melibatkan usaha pendakwah menyesuaikan diri dengan persekitaran dengan *mad`u*. Menurut Faizah dan Lal Muchsin (2006), terdapat beberapa faktor yang menyebabkan *mad`u* mudah menerima kehadiran pendakwah, antaranya ialah:

1. *Mad`u* terpesona dengan sikap pendakwah yang lemah lembut dan berbudi bahasa ketika berbicara, memiliki kemampuan membantu masyarakat dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan.
2. Kedatangan pendakwah tepat pada masa dan ketikanya masyarakat memerlukan kehadirannya bagi mengisi kekosongan yang terdapat dalam diri *mad`u*.

3. Masyarakat mendambakan seseorang yang mampu memimpin mereka daripada sudut kerohanian.

Sementara itu, Abdul Mu'ati (2016) mengaitkan penerimaan dengan konsep tanggapan sosial. Ia merujuk cara seseorang membentuk tanggapan dirinya daripada pandangan mata orang lain di sekelilingnya, di samping cara dirinya membaca perlakuan mereka. Ia juga melibatkan penilaian-penilaian yang terjadi dalam usaha manusia memahami orang lain. Usaha memahami orang lain amat penting kerana manusia merupakan makhluk sosial yang hidup bersama dengan orang lain dalam sesuatu masyarakat. Terdapat beberapa perkara yang mempengaruhi tanggapan sosial termasuklah personaliti (yang dizahirkan melalui penampilan fizikal seseorang seperti jantina, usia, bangsa atau etnik) dan tingkah laku seseorang (dengan memerhatikan aksi dan reaksi seseorang dalam komunikasinya sama ada secara lisan atau bukan lisan).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian mendapati bahawa semua PK yang terdiri daripada pimpinan Orang Asli bersedia menerima kedatangan pihak luar termasuk individu dan kumpulan pendakwah yang hadir ke perkampungan mereka untuk berinteraksi dengan penduduk kampung selagi mereka mengikut peraturan yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Dalam erti kata lain, masyarakat Orang Asli secara positif, tiada mempunyai masalah dan halangan untuk menerima kedatangan pendakwah kerana mereka adalah pendakwah yang dilantik oleh pihak Kerajaan melalui JAKIM dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sebagaimana status PK14 dan PK15. Kajian juga mendapati bahawa kedatangan pendakwah ke perkampungan Orang Asli disenangi oleh penduduk kampung terutama apabila pendakwah berkongsi maklumat tentang perkara-perkara yang melibatkan kemasyarakatan seperti kesihatan, ekonomi dan pendidikan. Bagi penduduk kampung yang beragama Islam pula, mereka menyukai pendakwah yang menjelaskan maklumat yang berkaitan dengan agama Islam. Walaupun penduduk kampung tidak mempunyai halangan tertentu menerima kedatangan pendakwah, mereka berpandangan bahawa pendakwah-pendakwah berkenaan perlu mempunyai ciri-ciri tertentu yang lebih meyakinkan mereka bagaimana seharusnya seseorang yang perbezaan latarbelakang bangsa dan budaya dengan mereka mahu berinteraksi dan berkongsi sesuatu mesej dengan mereka. Sehubungan dengan itu, kajian mendapati bahawa tiga ciri utama yang perlu ada pada seseorang pendakwah yang mendatangi perkampungan Orang Asli dan berinteraksi dengan masyarakat Orang Asli ialah pendakwah yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia dan berkemahiran dengan kemahiran tertentu.

1. Pendakwah yang berilmu pengetahuan

Kajian mendapati bahawa pendakwah yang berilmu merujuk kepada pendakwah yang memiliki, menguasai dan memahami ilmu yang mahu disampaikan kepada masyarakat Orang Asli. Dalam konteks memiliki dan menguasai ilmu pengetahuan, kebanyakan PK berpendapat bahawa

pendakwah yang berdakwah kepada masyarakat Orang Asli adalah pendakwah yang mempunyai dan menguasai pengetahuan tentang ilmu fardu ain dan fardu kifayah. Perkara ini dapat dikenalpasti melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang dikendalikan oleh pendakwah apabila mereka mengajar aspek fardu ain seperti bersuci, solat dan puasa. Kebolehan mengajar perkara-perkara asas dalam fardu ain menunjukkan bahawa pendakwah yang berperanan sebagai guru pembimbing mempunyai pengetahuan tentang perkara tersebut (Aini et al 2019). Dalam konteks ilmu fekah misalnya, PK berpendapat bahawa pendakwah harus menerangkan cara-cara mengerjakan solat secara praktikal dan tidak cukup sekadar teori semata-mata.

Dia ajar macam mana mahu ambik air sembahyang, ajar cara-cara nak sembahyang. Semua la dia ajar pasal sembahyang. (PK 8)

Ada juga ustaz itu mengajar kami tentang perkara-perkara itu. Ustaz itu mengajar kami bagaimana nak solat, puasa sebulan pada bulan puasa dan puasa-puasa sunat. Solat sunat terawih ada tapi bila ustaz ada sahaja. Bila ustaz tidak ada, solat sunat terawih tidak dilakukan. Tentang syahadah pun ada dia terangkan kepada kami [seperti] semasa mula-mula kami masuk Islam dahulu. (PK10)

Sementara itu PK14 dan PK15 turut mengakui bahawa seseorang pendakwah adalah seorang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang melambangkan fikrah dan akhlak.

Pendakwah itu ada ilmu agamalah, maksudnya ilmu untuk diri kita sendiri daripada fardhu ainnya, fikrah kita tu, akhlak kita tu, seperti yang dirujuk dalam Islam, mesti ada ilmu kefahaman Islam tu, *basic* pun mesti ada. (PK 15)

Di samping memiliki ilmu fardu ain, pendakwah juga perlu mempunyai ilmu berkaitan dengan hal ehwal Orang Asli termasuklah budaya, adat dan pantang larang, kepercayaan, dan nilai kehidupan mereka.

Pendakwah itu harus tahu *basic* agama yang kukuh iaitu rukun Islam dan juga rukun Iman. Tetapi yang membezakan kita pendakwah untuk Orang Asli kena tahu adat budaya mereka (PK 14)

Mereka juga harus tahu apa itu adat budaya, pantang larang, kepercayaan, amalan kesihatan dan nilai hidup Orang Asli (PK5).

Kajian Normaisarah (2019) mendapati bahawa antara budaya ilmu yang diamalkan oleh pendakwah ialah mendalami dan menguasai ilmu pengetahuan serta menyampaikan ilmu melalui lisan dan penulisan. Dalam konteks penguasaan ilmu pengetahuan, ia adalah persediaan yang perlu diambil perhatian oleh pendakwah. Al-Qaradawi (1993) misalnya, mengemukakan sejumlah ilmu pengetahuan yang perlu dimiliki dan dikuasai oleh pendakwah, iaitu *al-thaqafah al-islamiyyah* (seperti tauhid, fikah, tafsir dan hadis), *al-thaqafah al-tarikhiyyah* (seperti sirah dan sejarah islam),

al-thaqafah al-lugawiyyah wa al-adabiyyah (seperti bahasa dan kesusasteraan), *al-thaqafah al-insaniyyah* (ilmu kemanusiaan dan kemasyarakatan seperti psikologi, komunikasi, ekonomi dan falsafah), *al-thaqafah al-`ilmiyyah* (seperti yang berteraskan sains dan teknologi) dan *al-thaqafah al-waqi`iyyah* (seperti ilmu perbandingan agama, sosiologi kumpulan-kumpulan yang dinisbahkan dengan Islam, dan kedudukan muslim minoriti di negara bukan Islam). Ini menunjukkan bahawa *al-thaqafah al-Islamiyyah* menempati keutamaan dalam pemilikan dan penguasaan ilmu pengetahuan. Dalam kajian ini, ilmu pengetahuan sedemikian dikenali sebagai ilmu fardu ain. Manakala *al-thaqafah* yang lain seperti *al-thaqafah al-insaniyyah* dikategorikan sebagai ilmu fardu kifayah. Dalam membimbing masyarakat orang Asli daripada sudut ilmu fardu ain, menurut PK14 dan PK15, pendakwah menggunakan *Buku Teks Muallaf Selangor*, dalam bidang Tauhid dan Fikah. Antara tajuk yang dibincangkan dalam buku Tauhid ialah keperluan manusia kepada agama, perkara dalam rukun iman, Islam dan Ihsan serta hubungan manusia dengan Allah SWT (Muhamad Asmadi et al 2013). Manakala tajuk dalam buku Fikah ialah konsep ibadah, hukum bersuci dan solat (Muhamad Asmadi et al 2013).

2. Pendakwah yang berakhlak

Kajian mendapati kebanyakan PK mudah menerima pendakwah yang mempunyai akhlak yang baik samada daripada sudut percakapan, perbuatan mahu pun ketrampilan. Perkara ini penting bagi memastikan apa yang dijelaskan melalui lisan selari dengan perbuatan pendakwah berkenaan. JADUAL 2 berikut merupakan sifat-sifat terpuji dalam kerangka akhlak yang menjadikan orang Asli dapat menerima kedatangan dan pengajaran yang disampaikan oleh pendakwah. Daripada sudut ketrampilan, seseorang pendakwah perlu menampilkan imej baik hati, pakaian yang kemas, boleh dipercayai, peramah apabila berinteraksi, jujur dan amanah. Sifat-sifat tersebut menjadi mekanisme kepada cara seseorang membuat penilaian positif terhadap diri pendakwah terutama di saat awal pertemuan. Pendakwah yang menunjukkan ketrampilan yang baik adalah pendakwah yang berdakwah melalui pendekatan dakwah *bi al-hal* (H. Munzier & H.Harjani, 2009; Mohd Zairul & Abd. Ghafar 2018). Menurut Zulkiple (2001), dalam situasi tertentu, ketika agar sukar menyampaikan mesej melalui kata-kata, pendakwah boleh menyampaikan mesej melalui personalitinya yang juga merupakan penyampaian mesej secara bukan lisan. Komunikasi sebegini penting terutama ketika berhadapan dengan mad'u yang sensitif seperti Orang Asli.

Manakala daripada sudut pertuturan, kajian mendapati masyarakat Orang Asli menyukai pendakwah yang tidak sombong ketika bercakap atau tidak bercakap besar memandangkan rendah kepada mereka, tidak sesuka hati berjanji dengan sesuatu yang susah ditepati, bercakap dengan bahasa yang lemah lembut dan tidak garang ketika menyampaikan mesej terutama dalam kelas pengajian. Menurut Zulkefli dan S.Salahudin (2016) pendakwah yang menggunakan bahasa yang bersifat positif, lemah lembut, halus dan sopan menepati amalan para Nabi dan Rasul ketika berdakwah kepada kaum mereka sebagaimana yang ditunjukkan melalui dakwah Nabi Musa dan Nabi Harun kepada Firaun dalam surah Taha ayat 43-44. Penggunaan kata-kata positif sebagaimana yang ditunjukkan dalam al-Quran berkenaan, pada pandangan Achmad Mubarak

(2002), mengandungi unsur dan mesej pemujukan yang boleh mempengaruhi sasaran dengan menggunakan pendekatan psikologi sehingga mereka boleh mengikuti ajakan pendakwah secara sukarela berdasarkan kefahaman mereka. Sekiranya ada pendakwah yang menggunakan bahasa yang kasar ia menyebabkan sasaran menjauhkan diri daripada pendakwah. Kenyataan ini merupakan manifestasi kepada firman Allah SWT dalam surah Ali `Imran ayat 159 yang bermaksud:

“maka dengan rahmat Allah kamu bersikap lemah lembut lunak dengan mereka, jika engkau berlaku kasar dan keras, pastilah mereka akan menjauhkan diri daripada kamu”

Dalam konteks perbuatan, kajian mendapati Orang Asli menyukai pendakwah yang suka bergaul, bergurau dan suka membantu mereka. Pendekatan seperti ini merupakan pendekatan dakwah bi al-hal yang memperlihatkan pendakwah memberikan perkhidmatan diri untuk kesejahteraan Orang Asli (Azizul Azra & Mohd. Hisyam 2018). Malah, pendekatan dakwah melalui perbuatan dilihat sebagai lebih berkesan berbanding dengan pendekatan dakwah melalui pertuturan (Akhmad Sagir 2015).

Jadual 2: Kategori Akhlak Pendakwah

Bil	Kategori	Akhlak	Pandangan PK
1.	Ketrampilan	Baik hati	PK6, PK7, PK11
		Kemas, tidak selekeh, tidak comot	PK9, PK10,
		Boleh dipercayai	PK6, PK8,
		Mesra bila bergaul	PK9
		Peramah	PK8, PK13
		Jujur	PK13
		Amanah	PK3
2.	Pertuturan	Tidak bercakap besar	PK6, PK7
		Tidak berjanji	PK6
		Bercakap dengan lemah lembut	PK11
		Tidak garang bila bercakap	PK12
3.	Perbuatan	Pemurah	PK7
		Suka bergaul	PK8, PK13
		Suka bergurau	PK9
		Suka membantu	PK2, PK3

Kajian juga mendapati bahawa kedatangan pendakwah yang mempunyai akhlak mulia menjadikan Orang Asli berpandangan bahawa tidak semua orang Islam yang berperangai buruk. Walau bagaimanapun, mereka berpendapat bahawa sikap segelintir orang Islam yang tidak berakhlak baik boleh menjejaskan imej pendakwah dan agama Islam.

Takda contoh kebanyakan orang Islam ni apa contoh yang tak baik, dia sendiri pun cakap macam mana anak nak masuk Islam sedangkan contoh Islam taka da aaa ade

pon mungkin sedikit susah dia aan jadi kaum yang bukan Islam ni dia nak nak terima Islam ni susah sebab banyak yang benda-benda yang tak baik tu ditunjuk oleh Orang Islam sendiri sedangkan Islam itu bagus, cuma perangai orang itu sendiri lah menyebabkan orang susah nak terima Islam (PK1)

Kajian Abdullah dan Padzal (2009) mendapati bahawa antara sebab masyarakat Orang Asli sanggup menerima Islam sebagai anutan dan kepercayaan ialah bukan hanya tertarik kepada penjelasan tentang kebaikan Islam yang disampaikan secara lisan semata-mata, tetapi mereka tertarik dengan tingkah laku yang ditonjolkan oleh pendakwah. Ini termasuklah imej Islam yang ditonjolkan oleh pendakwah seperti sifat saling bantu membantu, hormat menghormati dan kasih sayang antara satu sama lain. Keadaan ini dizahirkan melalui proses komunikasi antara pendakwah dan masyarakat Orang Asli apabila mereka dilayani sebagai seorang sahabat yang setaraf, mereka tidak dipandang rendah dan disantuni sebagai seorang saudara yang perlu difahami hati budinya (Zulkefli, Faiz & Nor Damia, 2018). Menurut Zaydan (1993) dan al-Bayanuni (1995), persoalan akhlak merupakan persoalan yang sangat penting kepada pendakwah kerana ia menjadikan pendakwah benar-benar menjiwai kerja dakwah yang akhirnya menghasilkan kejayaan yang membanggakan.

3. Pendakwah yang berkemahiran

Kajian ini menggunakan kerangka kemahiran insaniah bagi mengenalpasti penerimaan orang Asli terhadap pendakwah yang berdakwah kepada mereka. Terdapat tujuh aspek ukuran dalam kemahiran insaniah iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral professional, dan kemahiran kepimpinan (KPT 2006; Chang, Fauziah & Faridah 2011). Setiap satu kemahiran tersebut mempunyai elemen tertentu sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Elemen Kemahiran Insaniah

Bil	Kemahiran	Elemen
1	Berkomunikasi	<ol style="list-style-type: none"> kebolehan menyampaikan idea dengan terang, berkesan dan dengan penuh keyakinan, secara lisan dan bertulis, kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberikan maklum balas, kebolehan untuk membuat pembentangan yang terang dengan penuh keyakinan bersesuaian dengan tahap pendengar.
2	Kritis dan menyelesaikan masalah	<ol style="list-style-type: none"> kebolehan mengenal pasti dan menganalisis masalah dalam situasi kompleks dan kabur serta membuat penilaian yang berjustifikasi, kebolehan memperkembangkan dan membaiki kemahiran berfikir seperti menjelaskan, menganalisis dan menilai perbincangan

3	Kerja berpasukan	<ol style="list-style-type: none"> 3. Kebolehan untuk mencari idea dan penyelesaian alternatif
4	Pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat	<ol style="list-style-type: none"> 1. kebolehan seseorang untuk membina hubungan baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif bersama untuk mencapai objektif yang sama, 2. kebolehan untuk memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua kumpulan dan ahli kumpulan, 3. kebolehan mengenal dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan orang lain.
5	Keusahawanan	<ol style="list-style-type: none"> 1. kebolehan mencari dan menguruskan maklumat berkaitan daripada pelbagai sumber, 2. kebolehan menerima idea baharu dan berkeupayaan untuk pembelajaran autonomi.
6	Etika dan moral profesional	<ol style="list-style-type: none"> 1. kebolehan mengenal pasti peluang perniagaan, 2. kebolehan merangka perancangan perniagaan
7	Kepimpinan	<ol style="list-style-type: none"> 1. kebolehan memahami kesan ekonomi, alam sekitar dan sosiobudaya dalam amalan professional 2. kebolehan menganalisis dan membuat keputusan di dalam menyelesaikan masalah berkaitan etika
		<ol style="list-style-type: none"> 1. kebolehan menguasai pengetahuan tentang teori asas kepimpinan 2. kebolehan untuk memimpin projek

Sumber: KPT (2006); Chang, Fauziah & Faridah (2011)

Berikut adalah merupakan maklum balas yang diberikan oleh orang Asli terhadap aspek kemahiran yang dimiliki oleh pendakwah sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4:

Jadual 4: Kemahiran Pendakwah

Bil	Elemen Kemahiran Insaniah	Maklum Balas	Maklum Balas PK
1.	Berkomunikasi	Ada	<ul style="list-style-type: none"> - “suka borak dengan lembut” (PK6) - “cakap tak de garang” (PK6) - “Orang Islam dengan bukan Islam dia layan sama sahaja. Dia tidak pernah cakap besar” (PK1) - “Dia kadang-kadang cakap juga sikit-sikit bahasa orang Asli” (PK7) - “Lembut sahaja bercakap” (PK8) - “Ustaz yang sering bercerita tentang Islam” (PK13) - “bahasa dia tu pun penting juga sebenarnya bahasa dia tu lagi banyak bahasa tahu lagi mudah kita punya komunikasi” (PK1)
2.	Kritis dan menyelesaikan masalah	Ada	<ul style="list-style-type: none"> - “pandai selesaikan masalah” (PK6) - “Dia bantu orang Islam dekat sini” (PK 2)

			- "Dia ada datang bila orang Islam kahwin dan meninggal" (PK2)
			- "Dia ajar anak saya pasal agama lepas tu dia selalu bagi sumbangan" (PK7)
			- "Selalu datang rumah bagi barang" (PK7)
			- "Dia tolong uruskan kalau orang Islam meninggal dekat sini" (PK8)
			- "Ya, ada, sebagai contoh seperti majlis perkahwinan, ustaz yang membantu menikahkan mereka. Jika ada apa-apa bagitahu ustaz, nanti dia akan jumpa dan bantu kami" (PK9)
			- " banyak membantu orang Asli di sini" (PK13)
3.	Kerja berpasukan	Tiada	-
4.	Pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat	Ada	- "mereka yang mengajar kami tentang agama Islam, buat kelas dan sebagainya" (PK10)
5.	Keusahawanan	Tiada	-
6.	Etika dan moral professional	Tiada	-
7.	Kepimpinan	Tiada	-

Berdasarkan Jadual 4 menunjukkan bahawa hanya tiga kemahiran yang dikenalpasti terdapat pada pendakwah yang menjadi penyebab mereka mudah diterima oleh Orang Asli, iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah serta kemahiran pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat. Tiada maklum balas yang diberikan kepada kemahiran-kemahiran lain. ini disebabkan mereka tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai kemahiran-kemahiran lain walaupun pengkaji menerangkannya terlebih dahulu.

Dalam konteks kemahiran berkomunikasi, kajian mendapati pendakwah yang mendatangi Orang Asli berkebolehan menyampaikan idea secara lisan dengan terang menggunakan medium bahasa Melayu dan sedikit bahasa Orang Asli. Di samping itu, pendakwah juga didapati berkebolehan membuat pembentangan lisan dengan terang mengenai ajaran Islam sesuai dengan tahap pemikiran Orang Asli. Daripada sudut kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah, kajian mendapati bahawa pendakwah berkebolehan mengenalpasti permasalahan yang timbul dalam kalangan penduduk kampung Orang Asli terutama yang berkaitan dengan kemasyarakatan dan keagamaan. Maklum balas yang diterima daripada Orang Asli mendapati pendakwah adalah seorang yang ringan tangan membantu penduduk meningkatkan taraf hidup dan pihak yang ditimpa musibah seperti kematian. Begitu juga dalam aspek kemahiran pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kajian mendapati pendakwah melaksanakan kelas bimbingan kepada semua warga Orang Asli yang beragama Islam dalam rangka menjayakan pembelajaran sepanjang hayat.

Berdasarkan dapatan tersebut menunjukkan bahawa walaupun aspek kemahiran penting bagi melicinkan lagi proses penyampaian ilmu pengetahuan, ia bukanlah aspek yang menjadi keutamaan dalam penerimaan mereka terhadap pendakwah. Bagi orang Asli, pendakwah yang mempunyai ilmu pengetahuan dan akhlak yang mulia lebih utama berbanding berkemahiran. Walau bagaimanapun, aspek kemahiran boleh dikategorikan sebagai pelengkap kepada penguasaan ilmu fardu kifayah terutama aspek penguasaan bahasa orang Asli itu sendiri yang menjadi sendi kepada kelancaran berkomunikasi. Di samping itu, pendakwah perlu memanfaatkan sumber alam dan ekosistem persekitaran yang ada di perkampungan Orang Asli melalui kemahiran tertentu seperti perubatan, pertanian, pertukangan, perburuan dan sukan (Ismail & Abdul Ghafar 2019).

KESIMPULAN

Interaksi antara pendakwah dengan sasaran dakwah boleh berlangsung dengan baik sekiranya ada maklum balas yang positif di pihak sasaran. Ia sangat penting bagi menentukan sama ada dakwah boleh difahami dan dihayati oleh mereka. Sehubungan dengan itu, keadaan pendakwah itu sendiri amat penting untuk menentukan kejayaan dakwah yang disampaikan. Ciri-ciri yang ada pada seseorang pendakwah seperti berilmu pengetahuan, berakhlak baik dan berkemahiran dengan kemahiran tertentu adalah pemangkin kepada kelangsungan dakwah kepada Orang Asli. Oleh itu, pendakwah perlu mempunyai persediaan yang rapi dan berstruktur bagi merangka agenda dakwah yang hendak dijalankan. Perkara asas yang perlu ada pada seseorang pendakwah ialah keilmuan. Kemantapan ilmu yang dimiliki dan dikuasai akan lebih berkesan apabila seseorang pendakwah mempunyai akhlak yang mulia. Ini kerana ilmu pengetahuan mewakili aspek “know” manakala akhlak mewakili aspek “do” dan “be”. Pelengkap kepada kedua-dua aspek tersebut ialah penguasaan kemahiran tertentu.

RUJUKAN

- Abdullah Muhammad Zain & Padzal Hj Mokhtar. (2009). Pengalaman Pengislaman Di Sungai Berua Hulu Terengganu. Dalam Abdul Ghafar Hj Don dan Zulkiple Abd. Ghani, *Dakwah kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, Metode & Pengalaman*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Ghafar Don, Badlihisam Mohd Nasir, Ahmad Faqih Ibrahim & Khairul Azhar Meerangani. (2019). Peranan Akademia Dalam Pembangunan Komuniti Asli. *Jurnal Ilmi*. 9 (1), 73-80.

- Abdul Ghafar Don. (2014). Penghayatan Islam Dakwah Orang Asli. dalam Siti Rugayah Tibek, Faria Md Sham & Muhammad Hilmi Jamil, *Pembangunan Dakwah Muallaf*. Bangi: Institut Islam Hadhari UKM.
- Abdul Ghafar Don, Razaleigh Muhamat@Kawangit, Salasiah Hanin Hamjah, Fariza Md. Shah, Badlihisam Mohd. Nasir, Muhammad Faisal Asha'ari, Siti Rugayah Tibek, Zainab Ismail, Idris Endot, Anuar Puteh, A'dawiyah Ismail & Mohd Zulkifli Abd Ghani. (2012). Da'wah through Social Servises Method: The Experience of the Department of Da'wah and Leadership Studies, National University of Malaysia. *Advances in Natural and Applied Sciences*. 6(4), 545-548.
- Abdul Ghafar Hj. Don. (2009). Metodologi Dakwah Terhadap Masyarakat Orang Asli: Pengalaman Pengislaman di Paya Sendayan, Temerloh, Pahang Darul Makmur, dalam Abdul Ghafar Hj. Don dan Zulkiple Abd. Ghani, *Dakwah kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, Metode & Pengalaman*. Edisi Kedua. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. (2016). *Psikologi dalam Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdurahman Abdullah & Abdul Ghafar Don. (2018). Konsep Komitmen Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) JAKIM. *Jurnal At-Tahkim*. 8(4), 1-7.
- Akhmad Sagir. (2015). Dakwah Bil-Hal: Prospek dan Tantangan Da'i. *Jurnal Ilmu Dakwah*. 14(27), 15-27.
- Achmad Mubarok (2002). *Psikologi Dakwah*. Jakarta: Penerbit Pustaka Firdaus.
- Ahmad Redzuan Mohd. Yunus. 2010. Pendekatan Dakwah Melalui Pendidikan Kepada Masyarakat Orang Asli di negeri Pahang. *Journal of Islamic And Arabic Education*. 2(1), 2010: 57-64.
- Aini, Z., Don, A. G., Puteh, A., Nor Sad, N. D. H. (2019). Amalan Komunikasi Dakwah Semasa Kelas Fardu Ain Orang Asli Muslim Di Selangor. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(17), 34-47. DOI: 10.35631/ijlgc.417004
- Aini, Z., & Sabri, N. S. (2019). Bentuk-Bentuk Gerakan Kristianisasi dalam Masyarakat Orang Asli di Perak. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 125-141. Retrieved from <https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/61>
- Azizul Azra Abdul Razak & Mohd. Hisyam Abdul Rahim. (2018). Falsafah Dakwah Bil Hal: Menurut Perspektif Al-Quran. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Special Issue, 1-17.

- al-Bayanuni, Muhammad Abu al-Fath. (1995). *Al-Madkhal ila 'Ilm al-Da'wah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Carey, I. (1976). *Orang Asli: The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Chang Peng Kee, Fauziah Ahmad & Faridah Ibrahim (2011). Hubungan antara Kemahiran Insaniah Prasiswazah dengan Dimensi Hubungan Organisasi-Publik. *Jurnal Personalita Pelajar*. 14, 23-36.
- Che Musa Hamat. (2011). Penghayatan Islam dan Efikasi Kendiri Berdakwah dalam Kalangan Penggerak Masyarakat Orang Asli di Negeri Sembilan Darul Khusus. Disertasi Ijazah Sarjana UKM.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2015). Aktiviti Dakwah JAKIM Terhadap Masyarakat Orang Asli: Pelaksanaan dan Cabaran. Kertas Bicara Dakwah kali ke 15. Anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan FPI UKM.
- Faiz Abdul Rahim (2018). Domain Pendakwah Masyarakat Orang Asli. Disertasi Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faizah dan Lalu Muchsin Effendi. (2006). *Psikologi Dakwah*. Jakarta: Rahmat Semesta.
- H. Munzir Suparta & H.Harjani Hafni. (2003). *Metode Dakwah*. Cetakan ke 3. Jakarta: Predanada Media Group.
- Halim Mokhtar. (2002). Penerimaan Dakwah Islamiah di Kalangan Masyarakat Orang Asli: Kajian Kes di Pulau Carey Banting Selangor. Tesis Sarjana Pengajian Islam UKM.
- Hamimah, H. (2011). Rights and Interests in Land among The Orang Asli in The State of Pahang: A Case Study. Ph.D Thesis International Islamic University Malaysia.
- Iacey, Ivan. (2013). Tropes of Fear: The Impact of Globalization on Batek Religious Landscape. *Religions*, 4, 240-266.
- Ismail Naim Abdullah & Abdul Ghafar Don. (2019). Kepentingan aspek pengetahuan dan kemahiran dalam dakwah terhadap masyarakat Orang Asli. *Jurnal al-Hikmah*. 11(2), 20-36.
- Jalaluddin Rakhmat. (2002). *Psikologi Komunikasi*. Edisi ke 18. Bandung: Penerbit PT Remaja Rosdakarya.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian Kualitatif. Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 2012 pada 28-29 Mac 2012 di Puteri Resort Melaka anjuran

- Institut Pendidikan Guru Malaysia kampus Temenggong Ibrahim Johor Bahru Johor Darul Ta'zim, 1-33.
- Jo Kamar & W.A Amir Zal. (2014). *Adat Orang Asli Suku Temuan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leary, J. D. (1995). *Violence and the Dream People, The Orang Asli in the Malaysian Emergency 1948-1956*, USA.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2006). *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ma'rof Redzuan dan Abdul Razak Abdul Rahman (2008). Integrasi Orang Asli dalam Masyarakat Arus Perdana, dalam Ma'rof Redzuan dan Sarjit S. Gill, *Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Mizan Mohammad Aslam & Shuhairimi Abdullah. (2004). Pembentukan Nilai-Nilai Murni Masyarakat Semai Melalui Konsep Pandang Dunia (World View): Satu Analisis Awal. Seminar Antarabangsa Nilai Dan Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), 1–10. Anjuran Jabatan Pengajian Umum, Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan, Universiti Utara Malaysia. Langkawi, 4-6 September.
- Muhamad Asmadi Mustakim, Solekhan Raop, Mohd Don Raban, Abdul Latif Satharan Abdullah, Hamidah Ng Mei Kee, Mohd Rafiee Hashim, Mohd Anwarulhaq Sulaiman, Ahmad Asmadi Mohamed Razalli, Kheirul Farid Mahmud, & Mary Fariyewdah Abdullah. (2009). *Buku Teks Muallaf Selangor Ulum Syar'iyah Tauhid (Tahap 1)*. Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor.
- Muhamad Asmadi Mustakim, Solekhan Raop, Mohd Don Raban, Abdul Latif Satharan Abdullah, Hamidah Ng Mei Kee, Mohd Rafiee Hashim, Mohd Anwarulhaq Sulaiman, Ahmad Asmadi Mohamed Razalli, Kheirul Farid Mahmud, & Mary Fariyewdah Abdullah. (2009). *Buku Teks Muallaf Selangor Ulum Syar'iyah Feqah (Tahap 1)*. Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor.
- Murtadha Abdullah (2019). Pengukuhan Dakwah Berkesan kepada Masyarakat Muslim Orang Asli Serta Isu-Isu Berkaitan. Bengkel Brainstorming Penyelarasan Dakwah Orang Asli antara Agensi Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), 26-28 September 2019. Anjuran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan di Hotel Copthorne Cameron Highland.
- Nobuta, Toshihiro. (2007). Islamization Policy toward the Orang Asli in Malaysia. *Buletin of the National Museum of Ethnology*. 31(4), 479-495.
- Normaisarah Othman. (2019). Budaya Ilmu dalam Kalangan Pendakwah Di Bandar Baru Bangi Selangor. Disertasi Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Nur Uswah Ahad Fauzi & Zulkefli Aini. (2017). Strategi Pemujukan Dalam Komunikasi Dakwah Masyarakat Orang Asli. *Fikiran Masyarakat*. Vol. 5. No.2. 80-86.
- Al-Qaradawi, Yusuf (1993), *Thaqafah al-Da'iyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Ramle Abdullah. (2015). Cabaran Dakwah Dalam Masyarakat Orang Asli. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Pembangunan Insan Pemimpinan Masyarakat Orang Asli. 7-9 November 2015. Anjuran PERKIM di Port Dickson Negeri Sembilan.
- Ramle Abdullah. (2014). *Orang Asli: Pembangunan dan Transformasi*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Siti Aminah Mohd Som. (2015). Kajian Amalan Budaya Orang Asli Suku Kaum Jakun di Kampung Peta. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Syed Abdurrahman Syed Hussin. (2008). Dakwah kepada Orang Asli di Malaysia: Permasalahan Dan Halangan. *Jurnal Usuluddin*, 155-183.
- Zaydan, `Abd al-Karim. (1993). *Usul al-Da`wah*. Cetakan ke 3. Beirut: Dar al-Risalah.
- Zulkefli Aini, Faiz Abdul Rahim & Nor Damia Husna. (2018). Aplikasi Kemahiran Komunikasi Dakwah kepada Masyarakat Orang Asli. halaman 104-122. Dalam Abdul Ghafar Don, Aniza Ismail dan Zulkefli Aini (penyunting). *Pemeriksaan Kesejahteraan Hidup Orang Asli di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkefli Aini, Abdul Ghafar Don, Ahmad Irdha' Mokhtar & Nur Uswah Ahmad Fauzi. (2018b). Pengamalan Bentuk Komunikasi Pemujukan dalam Kalangan Pendakwah Masyarakat Orang Asli di Selangor. *Jurnal Pengajian Islam*. 11(2), 63-79.
- Zulkefli Aini & Halim Mokhtar. (2016). Cabaran dan Isu Berdakwah Kepada Masyarakat Orang Asli Mah Meri Pulau Carey Banting Selangor, dalam Zulkefli Aini, Anuar Puteh dan Abdul Hakim Mohad @ Ramli, *Dakwah & Etnik di Malaysia*. Bangi: Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Peribumi Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkefli Aini & S.Salahudin Suyurno. (2016). *Pengantar Komunikasi Dakwah*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Zulkiple Abd. Ghani. (2001). *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

BIODATA PENULIS

Zulkefli Aini, Ph.D (Malaya) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kajian beliau ialah Dakwah dan Komunikasi Insan, Dakwah dan Masyarakat Orang Asli/Peribumi, serta Dakwah dan Kepimpinan Perspektif Islam.

Faiz Abdul Rahim, Sarjana Pengajian Islam (UKM). Graduan Sarjana Pengajian Islam dari UKM dalam bidang Pengajian Dakwah dan Kepimpinan. Kajian beliau di peringkat sarjana ialah berkaitan dengan domain pendakwah Orang Asli.